


# ASAS PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN

Sebelum kedatangan British, negara diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Pada zaman British, raja diterima sebagai pemerintah berdaulat. Setelah merdeka, negara kita mempunyai perlembagaan, iaitu unsur penting dalam sesebuah negara.

## UNDANG-UNDANG NEGERI MELAYU

- Sultan sebagai pemerintah. Rakyat memberikan taat setia.
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Undang-undang tersebut mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor, dan Undang-undang 99 Perak.
- Undang-undang dan adat Melayu dijadikan asas perlembagaan negara serta panduan kepada raja dan pembesar dalam pemerintahan negara.
- Undang-undang di negeri-negeri Melayu mengalami perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga pengenalan undang-undang dari Barat sekitar awal abad ke-19.



## UNDANG-UNDANG INGGERIS

- British memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai Charter of Justice. Diambil daripada undang-undang yang digubal di England.
- Hanya piagam yang bersesuaian dengan kegunaan Negeri-negeri Selat (NNS) diguna pakai. Contohnya, Charter of Justice 1807 diperkenalkan di Pulau Pinang.
- Di Sarawak, terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England.
- Di Sabah, diperkenalkan Sabah Application of Laws Ordinance 1951.
- British memperkenalkan undang-undang dari England, iaitu Charter of Justice di Negeri-negeri Selat, iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

